

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan penerima biasiswa JPA di luar negara yang tidak ditawarkan apa-apa kerja Kerajaan dan jumlah bilangan yang tidak memberikan sumbangan dan jasa kepada negara selepas tamat pengajian.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam dan luar negara adalah wajib untuk melapor diri setelah tamat pengajian atau tajaan (mana-mana yang terdahulu) dalam masa 30 hari. Di samping itu, pemegang biasiswa juga dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang biasiswa dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan, Kerajaan Negeri atau badan lain dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pemegang biasiswa melapor diri kepada JPA atau tarikh memohon dengan Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang mana terkemudian.

Jika pemegang biasiswa gagal melaporkan diri dalam tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk menuntut ganti rugi sepenuh pengajian selaras dengan Kontrak Perjanjian Biasiswa Persekutuan.

Pemegang biasiswa juga dikehendaki berkhidmat berdasarkan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan yang diperolehi dan akan terus berkhidmat bagi satu tempoh dan/atau mengikut ketetapan yang telah dinyatakan dalam Perjanjian yang telah ditandatangani pelajar.

Sekiranya pemegang biasiswa tidak berjaya mendapat tempat dan tidak ditawarkan sebarang jawatan Kerajaan dalam tempoh berkenaan, mereka bebas untuk berkhidmat di syarikat atau agensi swasta di dalam negara.

Sejak tahun 2011, Program *Scholarship Talent and Retention* (STAR) telah dilancarkan melalui kerjasama dengan Talent Corporation. Program ini bertujuan untuk membolehkan pemegang biasiswa berkhidmat dengan *government linked companies* (GLC), syarikat-syarikat swasta dan juga badan-badan berkanun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014 terdapat 767 buah syarikat yang telah mendaftar di bawah program ini.

Sekian. Terima kasih